



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PERUTUSAN
YANG BERHORMAT
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR
MENTERI KESIHATAN
SEMPENA HARI BUAH PINGGANG SEDUNIA**

10 MAC 2021

**TEMA:
'Merapatkan Jurang Pengetahuan ke arah
Penjagaan Buah Pinggang yang Lebih Baik'
(*Bridge the Knowledge Gap to Better Kidney Care*)**

1. Setiap tahun, pada hari Khamis, minggu kedua bulan Mac, seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Buah Pinggang Sedunia. Sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan menjaga kesihatan buah pinggang dan bagaimana cara untuk mengurangkan kesan dari penyakit buah pinggang serta masalah kesihatan yang berkaitan dengan penyakit ini.
2. Penyakit Buah Pinggang dikategorikan sebagai penyakit yang tidak berjangkit. Kajian yang diungkapkan oleh Persatuan Diabetis Amerika menunjukkan sebanyak 850 juta orang di seluruh dunia menghidap penyakit buah pinggang. Malah, penyakit ini merupakan antara sebab utama yang membawa kepada kematian pesakit di seluruh dunia dan diunjurkan menjadi penyebab utama kematian ke-5 menjelang 2040. Menurut kenyataan Jawatankuasa Antarabangsa Hari Buah Pinggang Sedunia 2020 pula, selaras dengan Pertubuhan Nefrologi Antarabangsa, secara global, 1 dalam 10 orang di seluruh dunia mengalami penyakit buah pinggang yang kronik dan pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Perkara ini akan menjadi beban kepada sistem penjagaan kesihatan kerana pesakit memerlukan penjagaan sepanjang hayat.
3. Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali dan adalah antara negara yang mempunyai kadar tertinggi pesakit buah pinggang di peringkat akhir atau “*End*”

Stage Kidney Disease” yang dikenali sebagai penyakit kerosakan buah pinggang yang kekal. Punca utama penyakit buah pinggang di Negara Brunei Darussalam adalah penyakit diabetis dan tekanan darah tinggi. Menurut Pendaftaran Dialisis dan Pemindahan Brunei bagi tahun 2020, jumlah keseluruhan pesakit buah pinggang di peringkat akhir di Negara Brunei Darussalam adalah seramai 881 pesakit yang mana dari jumlah tersebut, 217 pesakit adalah kes baru. Ini membawa kepada kenaikan peratus sebanyak 12.1% berbanding tahun sebelumnya, manakala jumlah pesakit yang meninggal pada tahun tersebut ialah seramai 138 orang. Kita perlu terus memahami bahawa apabila buah pinggang gagal berfungsi dengan baik, pesakit hanya mempunyai dua pilihan sahaja; iaitu sama ada menjalani rawatan dialisis atau pemindahan buah pinggang. Jika tidak dirawat, ianya boleh membawa kepada kematian.

4. Tema sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia pada tahun ini adalah **'Merapatkan Jurang Pengetahuan ke arah Penjagaan Buah Pinggang yang Lebih Baik (*Bridge the Knowledge Gap to Better Kidney Care*)'** yang memberikan gambaran bahawa ramai di kalangan masyarakat mempunyai kesedaran asas yang rendah, literasi kesihatan yang terhad dan kekurangan kesediaan untuk mengetahui mengenai penyakit buah pinggang kronik. Jurang pengetahuan yang berterusan ini menyekat perjuangan menentang penyakit buah pinggang, justeru meningkatkan kejadian kematian di kalangan pesakit. Oleh itu, inisiatif tema ini menyeru semua penduduk dunia untuk mengurangkan halangan-halangan bagi mendapatkan pengetahuan mengenai penjagaan kesihatan buah pinggang ke arah lebih baik termasuk maklumat-maklumat yang kompleks mengenai penyakit buah pinggang.
5. Tema tahun ini juga amat relevan dan penting semasa melalui pandemik COVID-19 pada masa ini. Secara umum, penghidap penyakit buah pinggang mempunyai risiko lebih tinggi untuk mendapat kesan lebih teruk jika dijangkiti penyakit COVID-19 berbanding pesakit lain. Ini termasuk mereka yang menjalani rawatan dialisis dan yang telah menjalani pemindahan buah pinggang. Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Renal telah melakukan pelbagai usaha dan inisiatif ke arah peningkatan kualiti hidup pesakit buah pinggang dan juga orang di sekeliling mereka dengan pendidikan berterusan dan penggunaan advokasi pesakit yang antaranya adalah seperti berikut:

- i. Menggesa pesakit buah pinggang mendapatkan vaksin COVID-19 lebih awal semasa pandemik terutama bagi pesakit yang menjalani rawatan dialisis. Dalam tempoh dua bulan, lebih 70% pesakit berkenaan telah menerima 2 dos vaksin COVID-19 pada bulan November 2021. Sebelum itu, pesakit berkenaan yang menerima 2 dos vaksin COVID-19 kurang daripada 5%. Inisiatif ini ialah dengan mempromosi dan menyediakan kemudahan tempat vaksinasi khusus supaya mudah bagi pesakit berkenaan mendapatkan vaksin, dan memberi jenis vaksinasi yang sesuai bagi pesakit buah pinggang;
- ii. Meningkatkan jumlah pengambilan rawatan peritonil dialisis (cuci air) di kalangan pesakit buah pinggang. Rawatan ini adalah rawatan kedua terbaik dan senang diperolehi bagi terapi penggantian buah pinggang. Rawatan melalui pemindahan buah pinggang adalah pilihan yang terbaik tetapi melibatkan banyak faktor yang selalunya sukar diperolehi. Rawatan hemodialisis (cuci darah) adalah pilihan yang terakhir tetapi mempunyai risiko yang tersendiri. Salah satu penghalang bagi pesakit untuk memilih rawatan peritonil dialisis adalah kerana berasa takut, bimbang atau kurang yakin untuk menjalankan rawatan sendiri di rumah walaupun sudah diterangkan bahawa mereka akan terus dibimbing, diberi kaunseling dan latihan serta dipantau sehingga pesakit dan ahli keluarga tersebut dapat membuatnya sendiri. Salah maklumat yang mereka terima dari orang yang bukan arif atau profesional juga adalah salah satu faktor menyebabkan mereka memilih rawatan hemodialisis dari rawatan peritonil dialisis. Walau bagaimanapun, Alhamdulillah dengan kerjasama semua pesakit-pesakit yang berterusan, terdapat penambahan pada tahun 2021, iaitu sebanyak 40.7% kenaikan pesakit Peritonil Dialisis dari tahun 2020.
- iii. Meningkatkan akses komunikasi antara pesakit buah pinggang dan jururawat mengikut jenis rawatan masing-masing. Dengan adanya pengenalan telefon “hotline”, pesakit dan para jururawat Jabatan Perkhidmatan Renal boleh berkomunikasi termasuk di luar waktu pejabat, setiap hari jika perlu.

6. Kempen sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia pada tahun ini Insya Allah akan memberi tumpuan yang lebih pada usaha untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran kesihatan buah pinggang dan mengurangkan jurang pengetahuan masalah buah pinggang kronik yang tinggi di semua peringkat penjagaan buah pinggang. Ini termasuk untuk meneruskan:
- i. inisiatif pemberian kesedaran awal secara kaunseling kepada pesakit buah pinggang kronik dan pesakit buah pinggang peringkat akhir mengenai pilihan kaedah rawatan yang ada iaitu hemodialisis, peritonil dialisis dan pemindahan buah pinggang;
 - ii. pendidikan pesakit buah pinggang (termasuk nasihat praktikal tentang diet dan gaya hidup) untuk menambah daya kekuatan pesakit, rakan jagaan mereka, dan sistem sokongan mereka ke arah mencapai hasil kesihatan dan matlamat hidup yang bermakna;
 - iii. pengintegrasiaan masalah buah pinggang kronik dan pencegahan kegagalan buah pinggang ke dalam program penyakit tidak berjangkit kebangsaan untuk perkhidmatan komprehensif dan bersepadu, yang penting dalam meningkatkan pengesanan awal dan pengesanan penjagaan buah pinggang di peringkat negara;
 - iv. pengiktirafan hak pesakit dan penjaga supaya dapat menilai, memahami dan menggunakan maklumat kesihatan yang berkaitan dengan masalah buah pinggang kronik; dan
 - v. untuk menawarkan maklumat yang berkaitan dengan masalah buah pinggang kronik mengikut pelbagai tahap celik kesihatan.
7. Alhamdulillah, kita sangat beruntung di Negara Brunei Darussalam kerana perkhidmatan kesihatan boleh diakses oleh semua rakyat dan penduduk di negara ini. Tambahan lagi, pelbagai rawatan dan ubat-ubatan diberi secara percuma jika dibandingkan di negara-negara lain. Walau bagaimanapun, ianya adalah tanggungjawab kita untuk sama-sama berusaha mengamalkan gaya hidup sihat,

aktif secara fizikal, mengelakkan tembakau dan mengikuti permakanaan yang sihat serta seimbang dengan ubat yang berkesan. Kementerian Kesihatan akan terus berusaha dalam memberikan kecemerlangan dalam penyediaan penjagaan yang mudah diakses oleh semua, bukan sahaja dalam aspek penyakit buah pinggang, tetapi dalam semua aspek penyakit tidak berjangkit.

8. Dengan adanya sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia ini , Insya Allah harapan saya ialah untuk melihat lebih ramai lagi mereka yang memahami akan penyakit buah pinggang khususnya pesakit, penjaga pesakit dan ahli keluarga pesakit agar semua dapat menikmati kehidupan yang sihat dan sejahtera. Marilah kita sama-sama meningkatkan peranan kita untuk menentang penyakit buah pinggang.

-TAMAT-